

Headline	Pengorbanan 5 tahun berbaloi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	22
ArticleSize	488 cm ²	Journalist	NORDIANA
PR Value	RM 57,453		



Impian suami isteri genggam ijazah bersama-sama tercapai



Nordiana Shafie
am@hmetro.com.my

Sintok

Impian sepasang suami isteri untuk menggenggam ijazah bersama-sama tercapai apabila mereka menerima Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) yang disampaikan Pro-Canselor, Tan Sri Osman Aroff pada Majlis Konvokesyen ke-29 UUM, berakhir semalam.

Pada sesi terakhir itu, Mohamad Rosdi Yaakub, 41, dan isteri, Zurianti Mahmud, 35, menerima Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian menerusi

program Pengajian Jarak Jauh (PJJ).

Mohamad Rosdi berkata, pengorbanan mereka selama lima tahun berkorban masa, tenaga dan wang ringgit akhirnya berbaloi dengan penerimaan ijazah itu.

Menurutnya, bekerja sambil belajar bukanlah mudah, tambahan pula dia mempunyai isteri dan dua anak yang perlu diuruskan serta perlu bijak mengatur masa untuk menyiapkan tugas di tempat kerja dan belajar pada masa sama.

“Setiap bulan, anak-anak terpaksa ditinggalkan bersama ibu dan bapa mentua, gara-gara saya dan isteri perlu ke kelas di UUM bagi memastikan cita-cita kami untuk menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kerjaya masing-masing tercapai.”

“Hampir tiga tahun kami berfikir sebelum mengambil keputusan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah

MOHAMAD Rosdi dan Zurianti memegang ijazah masing-masing kepada ibu bapa mereka pada Majlis Konvokesyen ke-29 UUM.



Pengorbanan 5 tahun berbaloi

“Dorongan ibu bapa serta majikan jadi pembakar semangat Mohamad Rosdi”

Sarjana Muda kerana memikirkan kekhawatiran masa dan kewangan yang bakal dihadapi sekiranya menyambung pengajian, tambahan pula anak-anak masih kecil ketika itu,” katanya yang bekerja sebagai pembantu tadbir di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Pulau Pinang.

Mohamad Rosdi berkata,

dorongan ibu bapa serta majikan membuatkan dia ingin menyambung pelajaran dan secara tidak langsung menjadi pembakar semangat kepada anak-anak untuk mengikut jejak langkah mereka belajar hingga ke menara gading.

Sementara itu, Zurianti berkata, mereka pernah berputus asa untuk meneruskan niat belajar di UUM apabila melihat subjek yang diambil semakin sukar dan kesibu-

kan bekerja sebagai pembantu tadbir di Tenaga Nasional Berhad (TNB) Seberang Jaya juga menjadi faktor.

Menurutnya, memikirkan semula masa depan dan dorongan yang diterima daripada keluarga dan majikan menyebabkan mereka berdua meneruskan hasrat untuk menamatkan pengajian.

Bagi penerima Anugerah Unitama Education and Consultancy Sdn Bhd (UE-

CSB), Arizan Ahmad, 40, pengiktirafan itu sangat bermakna bagi dirinya kerana pengorbanannya berulang-alik dari Pulau Langkawi ke UUM setiap bulan berbalas.

“Walaupun sibuk dengan kerja luar, tugas yang diberikan pensyarah tidak pernah saya abaikan dan saya menggunakan masa terluang selepas bekerja untuk menyiapkan semua tugas berkenaan,” katanya.